

05/07/2000

Sumber alam semula jadi ubah ekonomi Langkawi

Wan Jailani Razak

HAKIKAT Langkawi adalah sebuah destinasi pelancongan yang unik dengan jalinan pelbagai landskap semula jadi serta disulami keindahan flora dan faunanya, diakui Dekan Sekolah Pengurusan Pelancongan, Universiti Utara Malaysia, Profesor Dr Abdul Kadir Din.

Malah, katanya, suasana kepulauan Langkawi adalah ciri tarikan yang mempesonakan ramai pengunjung sejak abad ke-17 lagi.

Menurutnya, di sinilah tempatnya tentera Belanda bercuti dan berehat buat seketika pada 1641, sejurus setelah ketibaan Laksamana Cheng Ho. Di sinilah Raja Chulalongkorn dipelawa melawat oleh Sultan Abdul Hamid Halim Shah (1891) dan di sinilah tibanya pelayar Barat seperti Jeneral Augustin de Beaulieu (1621), Scrivenor (1919) dan sebilangan lain yang lazimnya menulis catatan mengenai keindahan pemandangan dan ketenangan mengasyikkan.

Pulau ini juga, katanya, pernah dibandingkan dengan Kepulauan Bahamas, Tahiti, Hawaii dan Phuket oleh penulis asing dengan konotasi kedudukannya sebagai syurga dunia bagi pelancong.

Ketika membentangkan kertas kerja bertajuk 'Pembangunan Semula Jadi Dalam Pembangunan Langkawi', di seminar Pembangunan Langkawi Di Alaf Baru anjuran Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada) baru-baru ini, Dr Abdul Kadir berkata seperti kebanyakan pulau kecil di dunia, Langkawi mempunyai persekitaran semula jadi yang agak terbatas dari segi saiz, keluasan tanah pamah, bekalan air, ruang penempatan dan sumber tanah dan galian.

"Unsur keterasingan meninggalkan kesan yang selama ini memundurkan. Kerana itu, Langkawi adalah daerah termundur di Semenanjung Malaysia sebelum 1980-an.

`Ketika itu, masyarakat pulau ini serba miskin - miskin orang, miskin modal, miskin prasarana, miskin pendidikan dan kemahiran hingga penduduknya rata-rata miskin daya ekonomi. Yang ia kaya hanyalah batu, air laut, udara, cahaya matahari dan cerita dongeng.

"Hari ini perkara ini telah menjadi sebagai perkara penting dalam pembangunan. Langkawi sudah muncul sebagai sebuah destinasi pelancongan terkemuka di rantau Asia Tenggara," katanya.

Menurutnya, sebelum dijadikan pulau bebas cukai, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dikritik hebat oleh pelbagai pihak kerana hasratnya untuk memberi status kepada pulau sumpahan ini. Banyak pihak yang meragui kewajaran rancangan beliau.

"Saya masih ingat lagi curahan bantahan dalam akhbar tempatan sehingga saya juga turut memberi pandangan berjudul Reasons for the obsession to develop Langkawi yang diterbitkan di halaman editorial NST pada 23 Januari 1987.

"Hujah rencana itu sudah kabur dalam ingatan tetapi yang masih jelas ialah betapa perlunya daerah sumpahan Mahsuri ini dibangunkan supaya tidak ketinggalan terlalu jauh berbanding daerah lain," kata Dr Abdul Kadir.

Berdasarkan sumber pelancongan di Langkawi kini, beliau menyenaraikan 35 tempat yang memiliki ciri menarik di Langkawi, antaranya Durian Perangin, Gua Cerita, Teluk Anak Datai, Pulau Tiloi dan Gunung Raya.

Taman Laut Pulau Payar, misalnya, yang letaknya 15 batu nautika ke barat Kuala Kedah, 19 batu nautika ke selatan Langkawi dan 32 batu nautika ke utara Pulau Pinang terdiri daripada Pulau Payar, Pulau Kaca, Pulau Lembu dan Pulau Segantang. Taman laut ini dengan taburan batu karang di sekeliling empat pulauanya sesuai untuk aktiviti berenang, snorkel dan

menyelam. Airnya yang tenang dan jernih membolehkan pengunjung menikmati keindahan hidupan marin.

Pulau Payar mempunyai empat kawasan berpantai sepanjang 200 meter secara keseluruhan. Airnya cetek dan terlindung dari ombak dan sesuai sebagai kawasan berenang dan snorkeling.

Langkawi tidaklah semiskin yang pernah diperkatakan suatu masa dulu. Kewujudan harta karunnya iaitu sumber alam semula jadi telah mengubah asas ekonomi pulau ini daripada pertanian dan perikanan kepada ekonomi berasaskan perkhidmatan dan pelancongan.

(END)